

1.1.6 Membuat Penambahbaikan kepada Produk berdasarkan Lakaran yang telah Dibuat

Contoh situasi:

Kereta kawalan jauh Dhiya rosak apabila berlanggar dengan halangan (masalah). Punca kepada masalah tersebut adalah disebabkan Dhiya tidak perasan adanya halangan apabila dia ingin undur (*reverse*) kereta.

Satu contoh cadangan penambahbaikan pada kereta kawalan jauh Dhiya:

Bahagian kereta kawalan jauh	Cadangan penambahbaikan	Justifikasi & Tindakan (kenapa Dhiya nak buat penambahbaikan sebegini)
Belakang kereta kawalan jauh	Memasang penderia jarak (<i>sensor</i>) - Input	Penderia jarak (input) dapat _____ pada jarak yang ditetapkan dan menghantar isyarat input kepada _____ (proses) supaya ia boleh memberikan arahan kepada _____ (output) untuk berbunyi apabila jarak di antara kereta dengan halangan adalah dekat.
Atas bumbung kereta		Berbunyi apabila jarak di antara kereta dengan halangan berada dalam julat yang ditetapkan.

Langkah-langkah proses penambahbaikan pada kereta kawalan jauh:

Langkah	Huraian
1)	Guna pensil, ada label, elemen dan prinsip reka bentuk
2)	Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat penambahbaikan
3)	Menjalankan fungsi yang dikehendaki
4)	Semasa proses ini, faktor keselamatan perlu diutamakan
5)	Menambah daya tarikan dan mengurangkan risiko kecederaan
6)	TAMAT !!!

LATIHAN:

- 1) Sebelum membuat penambahbaikan kepada kereta kawalan jauh anda, tuliskan **contoh situasi** yang anda menghadapi (masalah & punca masalah) – boleh rujuk buku teks m/s 23 (2 markah)

- 2) Cadangkan sekurang-kurangnya 2 penambahbaikan pada kereta kawalan jauh kumpulan anda (2 markah)

Bahagian kereta kawalan jauh	Cadangan penambahbaikan	Justifikasi & Tindakan (kenapa anda nak buat penambahbaikan sebegini)